

03 JUL 1996

Uruguay-Kerjasama

URUGUAY TAWAR PELBAGAI BIDANG UNTUK PELABUR MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Uruguay mempelawa Malaysia menjalankan perusahaan memasang atau mengeluarkan kereta di negara itu untuk dieksport ke negara-negara di rantau itu.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali berkata oleh kerana Uruguay tidak mempunyai perusahaan automobilnya sendiri, ia mempelawa Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) ke sana dan kemudiannya mengeksport ke Brazil serta Argentina.

Sebagai anggota kerjasama ekonomi Mercosur yang turut meliputi Brazil, Argentina dan Paraguay, Uruguay mempunyai kemudahan perdagangan serta kuota eksport untuk beberapa bidang seperti automobil ke negara-negara itu.

"Tentu sekali ini tawaran yang cukup menarik dan perkara ini akan dikemukakan kepada Proton," katanya kepada pemberita selepas pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Uruguay Dr Julio Maria Sanguinetti di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Tawaran itu merupakan antara beberapa bidang yang dikenal pasti untuk diceburi oleh pelabur Malaysia di negara Amerika Latin itu selain pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan, jambatan, pelabuhan dan pelancongan.

Sanguinetti tiba semalam untuk lawatan lima hari atas undangan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar bagi merapatkan hubungan kedua-dua negara selaras dengan kerjasama Selatan-Selatan.

Halim berkata Dr Mahathir dan Sanguinetti turut bertukar-tukar fikiran mengenai perkembangan di rantau masing-masing.

Sementara Uruguay menyatakan ia boleh menjadi pintu masuk (gateway) untuk barangan Malaysia ke pasaran Mercosur, Malaysia pula berpontesi sebagai pintu masuk untuk barangan Uruguay ke negara-negara Asean.

"Kita berpendapat tahap perdagangan antara Malaysia dan Uruguay masih amat kecil dan boleh dipertingkatkan," katanya.

Selepas perbincangan, Dr Mahathir dan Sanguinetti turut menyaksikan majlis menandatangani tiga perjanjian dan memorandum persefahaman antara kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Uruguay, Alvaro Ramos, mewakili kerajaan masing-masing, untuk menandatangani perjanjian kerjasama dalam bidang ekonomi, saintifik dan teknikal.

Ramos dan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud turut menandatangani dua memorandum persefahaman berhubung bidang perubatan veterinar dan bidang penjagaan kebersihan dan kesihatan. -- BERNAMA

AZZ PR